

Festival Sukan KUTKM meriah

Archival News | Utusan Malaysia | 03/06/2006

aktiviti 3

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Melaka telah berjaya menganjurkan Festival Sukan di KUTKM, baru-baru ini.

Festival Sukan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FESKEP) 2006 itu telah dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (SME) bertempat di Padang Kampus Industri dan Tasik Kampus Tetap KUTKM.

Antara pertandingan yang diadakan pada festival sukan yang julung-julung kalinya diadakan itu ialah bola sepak, bola jaring, sepak takraw, perlumbaan kayak dan beberapa pertandingan lain yang dijalankan secara serentak.

Presiden SME KUTKM, Al Amin Mohamed Sultan berkata, festival sukan tersebut adalah yang terbesar pernah dianjurkan di KUTKM dan telah mendapat penyertaan yang cukup membanggakan daripada para pelajar.

"Festival ini telah membantu meningkatkan kredibiliti, kualiti serta kepimpinan mahasiswa kerana ia diuruskan sepenuhnya oleh jawatankuasa pelaksana yang kesemuanya merupakan kepimpinan SME.

``Selain itu, festival ini juga bertujuan mengeratkan hubungan persaudaraan antara mahasiswa di samping menjadi platform untuk mengetengahkan bakat dan kemahiran mereka dalam bidang sukan, '' katanya.

(Source : Utusan Malaysia)